

## SIARAN AKHBAR

### PENGANJURAN TAHUN KESEPULUH ISKANDAR MALAYSIA ECOLIFE CHALLENGE BUKTI MURID SEAWAL DARJAH 6 BOLEH MENYUMBANG USAHA MERENDAHKAN SUHU BUMI

Johor Bahru, 18 Januari – Hanya dengan melaksanakan aktiviti penjimatan air, elektrik dan kitar semula barang sejak 10 tahun yang lepas, murid-murid Darjah 6 di seluruh negeri Johor telah berjaya membuktikan bahawa kanak-kanak mampu menyumbang kepada pemeliharaan alam sekitar apabila usaha mereka membawa kepada penurunan sebanyak 783,146.52 kilogram karbon dioksida (kgCO<sub>2</sub>) bersamaan penyerapan karbon dioksida 50,200 batang pokok.

Menurut Yang Berhormat Dato' Dr. Badrul Hisham Kassim, Ketua Eksekutif, Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), "Di Iskandar Malaysia, usaha memelihara dan memulihara alam sekitar dilaksanakan sejaran dengan pembangunan ekonomi dan sosial untuk memastikan wilayah ini menjadi metropolis yang mampu dan kukuh. Oleh itu, selain daripada bekerjasama dengan rakan-rakan daripada pihak kerajaan dan swasta, penglibatan komuniti juga penting bagi membentuk generasi muda yang akan memacu dan mengekalkan agenda rendah karbon Iskandar Malaysia pada masa hadapan.

"Atas sebab itulah pertandingan Iskandar Malaysia Ecolife Challenge (IMELC) diwujudkan pada tahun 2013 dan kami amat berbangga melihat peningkatan berterusan dalam jumlah penyertaan sekolah, murid, ibu bapa dan komuniti malah pertandingan ini telah berjaya membentuk kanak-kanak yang berminat dan mengamalkan gaya hidup rendah karbon."

Bermula dengan penggunaan buku kerja bercetak, pertandingan IMELC kini dilaksanakan secara digital melalui laman web bagi memudahkan murid-murid merekod aktiviti mereka selaras dengan usaha menjaga alam sekitar dengan mengurangkan penggunaan kertas.

Setiap tahun, murid-murid Darjah 6 perlu mengisi maklumat berkaitan penggunaan bil air, bil elektrik, jarak perjalanan menggunakan kereta, berat barang kitar semula dan minyak masak serta menjawab beberapa kuiz bagi memberi pendedahan bagaimana aktiviti harian menyumbang kepada pengeluaran karbon.

Menurut En Md Said Bin Md Daimon, Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri Johor, setelah sedekad perlaksanaan IMELC, sekolah-sekolah di Johor telah berjaya menerima anugerah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti PerKIS, Anugerah Sekolah Lestari, dan SEAMEO-Japan ESD Awards atas usaha mereka dalam memastikan kelestarian alam sekitar. Sekolah di Johor juga telah berjaya mewujudkan ekosistem pembelajaran dan pelaksanaan inisiatif hijau seperti pusat masyarakat rendah karbon, projek kebun, kompos, solar, kuru kuru (atau sistem barter) dan lain-lain lagi. Lebih membanggakan apabila, sekolah di Johor juga

berjaya memperoleh beberapa dana tambahan dalam bentuk geran bagi memacu usaha pendidikan kelestarian disekolah masing-masing. Kejayaan sekolah-sekolah ini membolehkan mereka diiktiraf sebagai Sekolah Showcase dan Transisi Pendidikan Kelestarian Johor.

Prof. Datuk Ts. Dr. Ahmad Fauzi Ismail, Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia percaya akan keberkesanan IMELC dalam melahirkan lebih ramai ikon muda yang bertindak terhadap usaha memelihara dan memulihara alam sekitar. IMELC merupakan program pendidikan kelestarian bersasar dalam merealisasikan Matlamat Pembangunan Mampan atau Sustainable Development Goals (SDG) khususnya dalam Matlamat ke-13 iaitu Tindakan Iklim. Penglibatan proaktif guru dan murid serta komuniti sekolah ini perlu terus diperkasakan bagi memakmurkan masyarakat (prospering life), menyumbang kepada kesejahteraan negara seterusnya menjamin kelestarian Malaysia dimasa hadapan.

“Penglibatan dan sokongan MBIP dalam IMELC adalah selari dengan Pelan Tindakan Masyarakat Rendah Karbon Iskandar Puteri 2025 yang dilancarkan pada tahun 2014. Iskandar Puteri Rendah Karbon (IPRK) merupakan kerangka induk pembangunan rendah karbon yang menterjemah usaha MBIP menghakupaya peranan masyarakat akar umbi untuk menjadikan Iskandar Puteri sebuah bandar raya mampan dan sejahtera. Perlaksanaan IPRK tertumpu kepada pendidikan kelestarian dan bimbingan komuniti dalam usaha membudayakan gaya hidup rendah karbon untuk mengurangkan kesan perubahan iklim dan pemanasan suhu Bumi. Usaha MBIP tersebut telah dilaksanakan melalui jalinan kerjasama strategik,” kata YB Dato’ Haji Mohd Haffiz bin Haji Ahmad, Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri.

Tuan Haji Mohd Norlisam Mohd Nordin, Pengurus Besar Korporat SWM Environment pula berkata, IMELC pada tahun ini berjaya mengumpulkan sebanyak 297,815 kilogram barang kitar semula dan menyaksikan Sekolah Kebangsaan Taman Perling dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Wira KITARecycle atas penglibatan aktif dalam aktiviti kitar semula melalui aplikasi kitar semula bergenjangan, KITARecycle. SWM Environment selaku rakan utama IMELC melihat pertandingan tersebut sebagai wardah terbaik dalam membentuk masyarakat rendah karbon dengan memberi pandangan baharu terhadap amalan kitar semula yang dapat membantu meningkatkan ekonomi kitaran sekali gus menyumbang kepada usaha mencapai 40 peratus kadar kitar semula kebangsaan menjelang tahun 2025.

Secara keseluruhan, lebih daripada tujuh kategori anugerah telah diberikan kepada pelajar, sekolah dan guru yang berjaya dalam pertandingan IMELC pada tahun ini. Pada tahun 2022 SJKC Foon Yew 2 berjaya mengekalkan kejuaraan keseluruhan pertandingan menerusi usaha proaktif dan bersepadu seisi warga sekolah bersama komuniti setempat dan masyarakat luar melalui aktiviti Mangrove Seedling, Beach Cleaning @ Tanjung Piai, Kuru-kuru @pandul Lalu UTM). SJKC Foon Yew 2 turut dijadikan penanda aras dalam usaha kelestarian di negeri Johor dan Malaysia.

Meraikan IMELC yang ke-10, pelaksanaan tahun ini dimeriahkan dengan penglibatan IMELC di Karnival Iskandar Puteri Rendah Karbon. Beberapa anugerah turut diperkenalkan seperti Anugerah Khas Ikon MBIP untuk sekolah yang mendapat keputusan terbaik secara keseluruhan di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Iskandar Puteri. Kategori Anugerah Khas Pengumpulan Minyak Masak juga diperkenalkan pada tahun ini begitu juga Anugerah Khas Wira KITAResycle yang dikelolakan oleh SWM Environment, khas untuk sekolah yang menggunakan aplikasi KITAResycle untuk aktiviti kitar semula di sekolah.

- tamat -

#### **Latarbelakang Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA)**

Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) merupakan sebuah badan berkanun Kerajaan Malaysia yang ditugaskan dengan objektif untuk mengawal selia dan memacu pemegang-pemegang taruh daripada sektor awam dan swasta dalam mencapai visi membangunkan Iskandar Malaysia menjadi sebuah metropolis bertaraf antarabangsa yang kukuh dan mampu.

Kuasa dan fungsi utama IRDA dalam mencapai objektif di atas ialah merancang, memudahkan dan mempromosi.

#### **Hubungan Media**

Norkamarulazman Nordin  
Komunikasi Strategik  
E: norkamarulazman@irda.com.my  
M: 019 7722 041